

# **E02**

**PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH -  
INSTITUSI PENDIDIKAN**

<b>PERINTAH TETAP : E 02 / 2020</b>	<b>M/S : / 8</b>
<b>TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN</b>	<b>TARIKH : 22 FEBRUARI 2021</b>

## **1. PENDAHULUAN**

1.1 Pendidikan Pencegahan Dadah Institusi Pendidikan merupakan komponen penting yang perlu dilaksanakan dalam usaha untuk memberi kesedaran, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran daya tindak mengenai masalah penyalahgunaan dadah dalam institusi pendidikan.

## **2. TUJUAN**

2.1 Tujuan Perintah Tetap Ketua Pengarah ini ialah untuk menentukan tatacara bagi melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah Institusi Pendidikan.

## **3. SKOP**

3.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini mengandungi tatacara Pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan untuk warga pendidik, pelajar dan murid seperti berikut:

- 3.1.1** Terminologi
- 3.1.2** Tujuan Pelaksanaan
- 3.1.3** Prosedur Pelaksanaan
- 3.1.4** Tanggungjawab
- 3.1.5** Kuasa Perundangan

<b>PERINTAH TETAP : E 02 / 2020</b>	<b>M/S : / 8</b>
<b>TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN</b>	<b>TARIKH : 22 FEBRUARI 2021</b>

#### **4. TERMINOLOGI**

##### **4.1 Program Pendidikan Pencegahan Dadah Dalam Institusi Pendidikan**

Program yang dikaitkan dengan usaha mendidik warga pendidik dan murid supaya mereka mempunyai pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan tanggungjawab supaya tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta mengekalkan sokongan dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah.

#### **5. TUJUAN PELAKSANAAN**

- 5.1 Memberi pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan substans kepada warga pendidik, pelajar dan murid;
- 5.2 Memberi latihan kemahiran hidup dan daya tahan agar tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan substans; dan
- 5.3 Mengekalkan sokongan berterusan daripada warga pendidik, pelajar dan murid dalam usaha memerangi dadah.

#### **6. PROSEDUR PELAKSANAAN**

##### **6.1 Peranan dan Tanggungjawab**

###### **6.1.1 Bahagian Pencegahan Ibu Pejabat**

- 6.1.1.1 Menyediakan perancangan tahunan bagi mencapai perancangan strategik program;
- 6.1.1.2 Menentukan peruntukan kewangan dan Petunjuk Prestasi Utama (PPU) bagi pelaksanaan program;
- 6.1.1.3 Menyediakan Modul dan Garis Panduan Institusi Pendidikan;

PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

- 6.1.1.4 Memberikan latihan kepada kumpulan pelaksana;
- 6.1.1.5 Melaksanakan penyeliaan dan pemantauan program di peringkat negeri dan daerah;
- 6.1.1.6 Menganalisis laporan program yang telah dilaksanakan oleh AADK Negeri; dan
- 6.1.1.7 Menyemak dan menambahbaik Modul dan Garis Panduan Institusi Pendidikan mengikut keperluan semasa.

#### 6.1.2 Peringkat AADK Negeri

- 6.1.2.1 Memberikan penerangan tentang arahan pelaksanaan program dan pengagihan peruntukan kepada AADK Daerah mengikut PPU yang telah ditetapkan pada tahun berkenaan;
- 6.1.2.2 Menyemak dan memberi kelulusan pelaksanaan program di peringkat daerah;
- 6.1.2.3 Menyelaras pelaksanaan program bersama jabatan / Badan Bukan Kerajaan yang terlibat;
- 6.1.2.4 Memastikan pelaksanaan program mematuhi Modul dan Garis Panduan Institusi Pendidikan yang telah ditetapkan;
- 6.1.2.5 Melaksanakan penyeliaan dan pemantauan program di peringkat daerah;
- 6.1.2.6 Menyediakan laporan prestasi pelaksanaan program (**Rujuk Garis Panduan Institusi Pendidikan**) dan mengemukakannya kepada Bahagian Pencegahan Ibu Pejabat; dan
- 6.1.2.7 Menganalisa keberkesanan pelaksanaan program dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan.

PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

### 6.1.3 Peringkat AADK Daerah

- 6.1.3.1 Mengenalpasti peserta serta lokasi bagi menjalankan program berkenaan;
- 6.1.3.2 Merancang dan mendapatkan kelulusan pelaksanaan program daripada Pengarah AADK Negeri;
- 6.1.3.3 Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan agensi / NGO yang terlibat bagi membincangkan pelaksanaan program berkenaan;
- 6.1.3.4 Memastikan pelaksanaan program mematuhi Modul dan Garis Panduan Institusi Pendidikan yang telah ditetapkan;
- 6.1.3.5 Mengumpul maklumbalas daripada peserta dan membuat analisis; dan
- 6.1.3.6 Menyediakan laporan pelaksanaan kepada Pengarah AADK Negeri untuk rujukan dan penilaian. Rujuk **Carta Alir Prosedur Pelaksanaan Program (Lampiran A)**

### 6.2 Peruntukan

- 6.2.1 Ketua Pengarah AADK akan menentukan jumlah peruntukan yang akan diagihkan mengikut keperluan negeri; dan
- 6.2.2 Perbelanjaan yang hendak dilaksanakan perlu mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan laporan program perlu dihantar ke Ibu Pejabat AADK setelah program selesai dilaksanakan.

### 6.3 Penilaian program

- 6.3.1 Menilai tahap penerimaan mesej antidadah kepada peserta
- 6.3.2 Kaedah penilaian program (Rujuk Modul Institusi Pendidikan)

PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

**7. TANGGUNGJAWAB**

- 7.1 Pegawai Agensi.
- 7.2 Penyelaras Program Berkenaan.

**8. KUASA PERUNDANGAN**

- 8.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.
- 8.2 Akta Penagihan Dadah 1983 (Rawatan Dan Pemulihan).

**9. LAMPIRAN**

- 9.1 Lampiran A: Carta Alir Prosedur Pelaksanaan Program.

**10. DIKUATKUASAKAN**

Perintah Tetap ini berkuat kuasa mulai tarikh **22 FEBRUARI 2021**.




(SUTEKNO AHMAD BELON)  
KETUA PENGARAH  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh : 22 . 02 . 2021


PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

## CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT IBU PEJABAT



PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

## CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT NEGERI





PERINTAH TETAP : E 02 / 2020	M/S : / 8
TAJUK : PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH - INSTITUSI PENDIDIKAN	TARIKH : 22 FEBRUARI 2021

## CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN PERINGKAT DAERAH

